

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.05.2016

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- a. siapa dan negara manakah pemilik sebenar Syarikat Good Star Ltd.; dan
- b. siapakah/negara yang jadi pemilik sebenar Petrosaudi Internaional Ltd.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan rekod syarikat 1MDB, Good Star Limited adalah dimiliki oleh kumpulan Petrosaudi, pada masa pembayaran dana

tersebut dibuat oleh 1MDB. Semua pembayaran dana yang dibuat oleh 1MDB adalah untuk memperoleh kepentingan sebanyak 40% di dalam syarikat usahasama. Dana tersebut juga telah diakui diterima oleh kumpulan Petrosaudi berdasarkan perjanjian-perjanjian yang dimeterai pada masa pembayaran tersebut dibuat.